

tindakan terhadapnya.

**Mengarang buku yang bertentangan dengan hukum syarak mengandungi 19 bab seperti berikut:**

1. Bab Hakikat
2. Bab Fatehah
3. Bab Alhamdu
4. Bab Bismillah
5. Bab Al-Quran dan Kitab
6. Bab Takbiratul Ehram
7. Bab Sembahyang
8. Bab Kaum Ibu
9. Bab Roh / Nyawa
10. Bab ma'ni
11. Bab Nabi 1
12. Bab Nabi 2
13. Bab Tauhiduz Zat 1
14. Bab Tauhiduz Zat 2
15. Bab Guru
16. Bab Sifat
17. Bab Ma'rifat
18. Bab Hati
19. Mukaddimah Bagi Orang Baru

## KEPUTUSAN FATWA

Ajaran dan amalan Ilmu Hakikat Hassan bin Jonit didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, umat Islam dilarang mengamalkan ajaran itu.

Orang-orang Islam yang telah mengambil ijazah dan mengamalkan Ajaran Ilmu Hakikat Hassan bin Jonit di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah S.W.T..

Orang-orang Islam dilarang menjual, mengedar, membeli, memiliki atau memberi ceramah tentang isi kandungan buku yang dinyatakan.



# Ajaran Ilmu Hakikat Hassan bin Jonit

Diterbitkan Oleh:

**JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR**

Ara 7 & 8, Menara Utara,

Bangsaan Sultan Idris Shah,

40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-5514 3738 / 3712 / 3713 / 3715

<http://muftiselangor.gov.my>

## LATAR BELAKANG

Hassan bin Jonit berasal dari Negeri Melaka. Pusat utama kumpulan ini ialah di rumah murid kanan beliau di No. 20, Batu 450, Kampong Melayu Jalan Kilang Papan, Batu Arang Rawang, Selangor.

## CIRI-CIRI KESALAHAN

### **Mendakwa bertemu dengan Allah S.W.T..**

Hassan bin Jonit mendakwa telah bertemu dengan Allah S.W.T melalui Ilmu Hakikat. Namun beliau tidak menulis hasil pertemuan dengan Allah S.W.T berbanding dengan dakwaan pertemuan beliau dengan Rasulullah S.A.W melalui Ilmu Hakikat Roh.

### **Mendakwa bertemu Nabi Muhammad S.A.W**

Hassan bin Jonit mengakui bertemu dengan roh Nabi Muhammad melalui Ilmu Hakikat Roh ketika mengangkat nafas (tanaffus). Beliau akan mencatatkan tarikh pertemuan serta menghasilkan buku

sebanyak 24 bab. Beliau mendakwa buku hasil pertemuan itu adalah Hadis Kudsi.

### **Mendakwa boleh mentadbir mimpi**

Hassan bin Jonit menyatakan keupayaannya mentadbir mimpi. Segala tadbir mimpi tersebut dijadikan panduan dan sampai satu peringkat dijadikan sumber hukum.

### **Solat pejam mata**

Mengikut penjelasan Hassan bin Jonit kepada pengikutnya bahawa orang yang hendak mengerjakan solat hendaklah memejamkan mata. Beliau menyatakan orang yang solat dengan keadaan mata terbuka sekiranya menjadi imam nampak seperti khinzir.

### **Mendakwa orang yang berdahi hitam tanda memelihara jin**

Seseorang yang rajin sembahyang dapat melihat dengan jelas dahinya menjadi hitam Hassan bin Jonit mendakwa orang yang mempunyai kesan sujud adalah mereka yang membela jin.

### **Menolak adanya hari akhirat**

Semasa menyampaikan ajaran kepada pengikutnya, Hassan bin Jonit menyatakan bahawa hari akhirat tidak wujud

### **Wakil guru seluruh dunia**

Hassan bin Jonit mendakwa beliau adalah Wakil Guru dari Luh Mahfuz yang dilantik khas ke bumi iaitu Baladul Amin. Beliau mendakwa bahawa nabi Muhammad s.a.w telah memberikan dan mengijazahkan segala ilmunya kepada beliau.

### **Tafsiran salah terhadap ayat Al-Quran**

Hassan bin Jonit telah memberikan makna tertentu kepada ayat al-Quran sebagaimana yang terdapat dalam kitabnya Amalan Tauhid.

### **Mencabar pihak berkuasa agama**

Hassan bin Jonit mendakwa beliau akan menurunkan malaikat untuk menghancurkan mana - mana pegawai agama yang mengambil